

SURAT KEPADA PARA PEMEGANG SAHAM



TAN SRI DATO' AZMAN HASHIM
Pengerusi

“ Tahun kewangan yang baru berakhir pada 31 Mac 2008 menandakan satu lagi pencapaian penting. Ia merupakan satu tahun yang penuh dengan kejayaan di mana kami berjaya menyampaikan komitmen dan nilai kepada pemegang saham melalui keuntungan yang lebih tinggi, dividen yang lebih tinggi dan mengukuhkan kedudukan kami untuk meningkatkan Kumpulan AmBank demi pertumbuhan dan kestabilan masa depan. ”

Kepada pemegang saham,

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007, Kumpulan telah menjalankan latihan untuk menangani masalah pinjaman tidak berbayar. Dengan itu, berikutan caj peruntukan sekaligus besar yang dibuat, Kumpulan telah melaporkan RM23.1 juta keuntungan sebelum cukai dan RM203.8 juta kerugian bersih selepas cukai dan kepentingan minoriti.

Saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa bagi tahun kewangan yang baru berakhir pada 31 Mac 2008, Kumpulan telah berjaya memulihkan keadaan untuk kembali kukuh selepas latihan ini, seterusnya mencatatkan RM1.2 bilion keuntungan sebelum cukai dan RM668.5 juta keuntungan bersih selepas cukai dan kepentingan minoriti. Keputusan ini melebihi anggaran pakar analisis dan jangkaan Kumpulan pada tahun ini.

Tahun ini merupakan satu tahun prestasi yang hebat bagi Kumpulan AmBank dan ia mencerminkan kebingkasan dan usaha bersama pihak pengurusan serta kakitangan. Sehubungan ini, saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak atas sumbangan mereka.

Tahun ini turut menyaksikan kami menyambut kemasukan ANZ sebagai rakan kongsi strategik Kumpulan AmBank. Perkongsian ini akan membolehkan kami meningkatkan status Kumpulan sebagai kumpulan perbankan utama di peringkat domestik dengan visi yang setanding dengan rakan perbankan antarabangsa dan memanfaatkan kehadiran serantau ANZ untuk merebut peluang-peluang di seberang Malaysia. Visi baru telah dirangka demi pertumbuhan dan kestabilan masa depan yang lebih kukuh bagi Kumpulan AmBank. Ini merupakan sebahagian daripada usaha progresif dan berterusan Kumpulan untuk meningkatkan nilai pemegang saham dan pelanggan di samping menyediakan persekitaran kerja yang menggalakkan untuk hampir sepuluh ribu warga kerja kami.



Perkongsian kami dengan ANZ dan AmVision 2011: Membina Masa Depan

Setahun sudah berlalu sejak kami memulakan perkongsian strategik dengan ANZ, yang merupakan satu lagi peristiwa penting dalam usaha Kumpulan AmBank untuk terus berada di hadapan sebagai kumpulan perbankan yang dinamik. Sejak perkongsian ini bermula pada Mei 2007, kami telah membuat kemajuan yang progresif dalam pelbagai bidang di dalam Kumpulan seperti perbankan runcit, sewa beli, rangkaian cawangan, kewangan dan pengurusan risiko serta strategi. Perkongsian ini telah mula bertambah momentum dan ini dicerminkan di dalam pemuliharaan keputusan kewangan yang dicapai pada tahun ini.

Perkongsian dengan ANZ adalah sesuai dan tepat pada waktunya untuk Kumpulan mentakrifkan semula aspirasi masa depan, terutama aspirasi jangka sederhana bagi menambahkan kekuatan kami dengan memanfaatkan kepakaran, amalan terbaik dan keupayaan antarabangsa rakan kongsi kami. Dinamakan AmVision 2011, visi ini merupakan kemuncak kerjasama dan usaha strategik yang telah dilaksanakan oleh pasukan pemimpin Kumpulan sepanjang enam bulan lepas. Bersama-sama, kami telah mengenal pasti empat matlamat utama untuk dicapai di bawah agenda AmVision 2011:

- Meningkatkan lagi kedudukan kami sebagai syarikat perkhidmatan kewangan terkemuka di Malaysia dan diiktiraf sebagai Majikan Terpilih di dalam industri;
- Menggandakan keuntungan selepas cukai Kumpulan sebelum 2011 (dengan 20% pertumbuhan tahunan berganda);
- Mencapai sasaran 20% Pulangan atas Ekuiti dan nisbah Kos kepada Pendapatan sebanyak 40% dalam tempoh sederhana tiga hingga lima tahun; dan
- Mencapai kedudukan ketiga teratas dalam pasaran bagi semua segmen perniagaan pilihan kami dalam tempoh sederhana tiga hingga lima tahun.

Meskipun kami telah menetapkan sasaran yang tinggi, kami percaya ianya perlu untuk mengekalkan kepimpinan dan kedudukan di dalam suasana industri perkhidmatan kewangan yang sedang berubah dan persaingan yang semakin sengit. Kami akan melakukan yang terbaik untuk menyampaikan rancangan kami kepada semua pemegang yang berkepentingan iaitu pelanggan, pemegang saham dan kakitangan kami.

AmVision 2011 akan membantu Kumpulan menangani cabaran-cabaran utama di dalam perniagaan kami dengan perspektif yang berbeza, membuka potensi pertumbuhan kami untuk memanfaatkan peluang-peluang dalam semua segmen perniagaan utama di pasaran melalui pelbagai inisiatif untuk menjana hasil baru dan peluang pertumbuhan organik.

Kami menjangka matlamat-matlamat ini akan dicapai dengan memastikan pertumbuhan hasil yang lebih tinggi, mengurangkan NPL, merendahkan kos dana dan menambah baik pulangan kepada pemegang saham. AmVision 2011 akan disampaikan melalui Program Teras dan Portfolio Inisiatif yang diuruskan oleh Pejabat Pengurusan Projek Kumpulan ("PMO") yang akan memainkan peranan penting dalam memandu dan menguruskan inisiatif-inisiatif tersebut. PMO juga akan mengambil pandangan holistik dan mengutamakan projek-projek yang mempunyai impak terbesar terhadap pertumbuhan hasil. Ia juga akan melaksanakan kawalan bagi semua projek dengan tujuan mengoptimumkan belanjawan pelaburan dengan memanfaatkan sinergi di seluruh perniagaan untuk memaksimumkan peluang-peluang peruntukan sumber.

SURAT KEPADA PARA PEMEGANG SAHAM



Dari kiri: Tan Sri Dato' Azman Hashim (Pengerusi, Kumpulan AmBank), YBhg Dato' Zarinah Anwar (Pengerusi, Suruhanjaya Sekuriti), YABhg Tun Mohamed Dzaiddin (Pengerusi, Bursa Malaysia) dan YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi (Perdana Menteri Malaysia) di Invest Malaysia 2008. (Foto daripada Star Publications)



Prestasi Kewangan Yang Kukuh

Seperti yang disebutkan sebelum ini, Kumpulan berjaya meraih RM1.2 bilion dalam keuntungan sebelum cukai bagi tahun kewangan yang ditinjau. Ini mewakili pendapatan sesaham tercair sepenuhnya sebanyak 27.91 sen dan pulangan atas ekuiti selepas cukai sebanyak 11.2%, naik sebanyak 17% berbanding tahun kewangan lepas.

Setelah mengambil kira pelarasan sekaligus yang timbul daripada perubahan kepada polisi perakaunan dan peruntukan, pelarasan tempoh sebelumnya, pelaburan dan penjualan strategik serta rejim cukai dan kawal atur, keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti Kumpulan meningkat 55.4% kepada RM727.6 juta. Kesemua ini mampu dicapai meskipun persaingan dalam industri perkhidmatan kewangan semakin bertambah kerana kedua-dua bank domestik dan asing giat menjalankan persaingan harga dan kempen pengiklanan yang kreatif untuk memperolehi pasaran saham di dalam persekitaran ekonomi yang mencabar dengan peningkatan harga minyak, penambahan risiko geopolitik serta ketidakpastian global.

Semua segmen perniagaan utama Kumpulan menyumbang kepada pertumbuhan keuntungan pemulihan yang kukuh. Bahagian perbankan runcit dan komersil Kumpulan merupakan penyumbang terbesar kepada keuntungan sebelum cukai Kumpulan, mencatatkan RM742.6 juta, diikuti oleh bahagian perbankan pelaburan Kumpulan yang melaporkan RM398.5 juta sementara operasi insurans menyumbang RM56.5 juta kepada keuntungan Kumpulan bagi tahun ini.

Prestasi pendapatan yang kukuh ini disokong oleh pertumbuhan mantap dalam pendapatan faedah bersih, meningkat RM258.5 juta atau 19% dan pendapatan bukan faedah yang meningkat RM68.8 juta atau 6% di sebalik keadaan perdagangan yang rumit. Kedua-dua peruntukan kerugian pinjaman dan kerugian kemerosotan atas sekuriti menurun dengan ketara, masing-masing sebanyak RM512.2 juta atau 66.3% dan RM111.9 juta atau 60.5%.

Pembayaran Dividen


Kami terus memberikan komitmen dan nilai kepada para pemegang saham. Lembaga Pengarah memutuskan pembayaran dividen pertama dan terakhir sebanyak 6% tolak cukai, peningkatan 20% dalam pembayaran dividen berbanding tahun kewangan sebelumnya. Ini akan membawa kepada pembayaran dividen sebanyak kira-kira RM122.5 juta kepada pemegang saham berbanding RM78.8 juta dalam tahun sebelumnya, peningkatan sebanyak RM43.7 juta atau 55.0%.

Perkhidmatan dan Perhubungan Pelanggan

Kumpulan AmBank komited untuk menambah baik khidmat pelanggan dan ini terbukti melalui pelaburan berterusan yang dibuat dalam infrastruktur penyampaian khidmat pelanggan pelbagai saluran. Dengan pelbagai saluran penyampaian Pengurus Perhubungan di samping bilangan cawangan, saluran perbankan elektronik ("EBC") dan mesin juruwang automatik ("ATM") yang semakin bertambah daripada 176 cawangan, 65 EBC dan 286 ATM setahun lalu, kepada 183 cawangan, 90 EBC dan 399 ATM di seluruh negara sekarang ini. Bilangan ATM semakin meningkat setiap minggu selepas perikatan strategik yang dibuat dengan 7-Eleven Malaysia Sdn Bhd ("7-Eleven") pada Mei 2007 untuk memasang 400 ATM di 400 kedai 7-Eleven di seluruh negara dalam masa dua tahun. Setakat Julai 2008, kami telah memasang 50 ATM di kedai 7-Eleven di Kuala Lumpur, Selangor, Pahang dan Kedah. Ini memberi kemudahan perbankan yang lebih senang kepada semua pelanggan kami yang sedia ada dan di masa depan. Kumpulan juga menjangka akan meningkatkan bilangan cawangan kepada lebih 200 sebelum 2011.

Pada masa yang sama, kami telah memulakan latihan membentuk semula bagi semua cawangan yang sedia ada di samping menempatkan semula cawangan-cawangan tertentu dan meluaskan yang lain. Ini adalah selari dengan saranan nilai kami untuk menyediakan pelanggan dengan suasana dan persekitaran baru untuk meningkatkan dan menawarkan perkhidmatan yang lebih mudah didampangi, lebih selesa dan senang. Kami juga meneruskan kempen "Customer F.I.R.S.T." dan dibekalkan dengan metodologi Six Sigma, kami terus berusaha untuk menambah baik khidmat pelanggan di cawangan dan pusat operasi perniagaan lain dan hasilnya adalah amat menggalakkan.

Kami terus meningkatkan keupayaan, infrastruktur dan perkhidmatan pusat perhubungan 24-jam, perbankan mudah alih dan saluran perbankan internet kami. Usaha kami untuk menyampaikan khidmat yang terbaik kepada pelanggan terbukti dengan bilangan anugerah dan penghargaan yang diterima. Kami memenangi lima anugerah di Anugerah Pusat Perhubungan Tahunan Persatuan Pengurusan Perhubungan Pelanggan dan Pusat Perhubungan Malaysia (CCAM) ke-8 2007 dan turut memenangi anugerah "Perkhidmatan Pelanggan Paling Mesra" di Ekspo Perbankan Elektronik 2007 buat kali ketiga. Kumpulan akan terus melabur dalam sumber penting untuk menambah baik standard khidmat pelanggan kerana khidmat pelanggan yang cemerlang merupakan strategi kami untuk kekal maju di dalam industri perkhidmatan kewangan yang semakin kompetitif.



Pengiktirafan Pasaran

Prestasi yang baik didorong oleh budaya inovasi pasti akan dapat dilihat dan Kumpulan telah memenangi pelbagai anugerah dan penghargaan sepanjang tahun untuk mencerminkan komitmen dan usaha keras kakitangan kami di seluruh Kumpulan. Antara anugerah dan penghargaan tersebut adalah:

- AmBank (M) Berhad telah diiktiraf sebagai Pemberi Pinjaman Automotbil No. 1 di Asia Pasifik, Negara Teluk dan Asia Tengah di Anugerah Kecemerlangan dalam Perkhidmatan Kewangan Runcit Asian Banker 2007, untuk prestasi cemerlangnya dalam membina francais perniagaan yang berkekalan, kompetitif dan menguntungkan.
- Bahagian Pengurusan Dana Kumpulan memenangi kategori Bon Terbaik 3-Tahun untuk kedua-dua Dana Ringgit Malaysia dan Dana Islam Ringgit Malaysia di samping Kumpulan Bon Dana terbaik 3-Tahun di Anugerah Dana Edge-Lipper Malaysia 2008.
- Perkhidmatan Perbankan Swasta Kumpulan memenangi anugerah “Bank Swasta Tempatan Terbaik di Malaysia” tahun kedua berturut di bawah Tinjauan Perbankan Swasta Euromoney 2008.
- Pusat Perhubungan AmBank memenangi Anugerah Emas untuk “Pencapaian Paling Cemerlang” di bawah Kategori Anugerah Prestij di Anugerah Pusat Perhubungan Tahunan Persatuan Pengurusan Perhubungan Pelanggan dan Pusat Perhubungan Malaysia ke-8 2007.
- AmInvestment Bank memenangi anugerah Urus Niaga REIT Islam Terbaik di Asia Tenggara sebagai Pengatur Utama untuk Program Sukuk Ijarah bernilai RM300 juta oleh Al-‘Aqar Capital Sdn Bhd, REIT Islam jagaan kesihatan pertama di dunia yang tersenarai, di dalam Anugerah Majalah Alpha South East Asia.

- AmInvestment Bank menerima anugerah Bank Pelaburan Islam Terbaik di Anugerah Kewangan Islam Forum KLIF 2007.
- AmInvestment Bank turut diberi penarafan sebagai Rumah Ekuiti Terbaik di Malaysia di dalam Anugerah FinanceAsia.
- Kumpulan AmBank diundi oleh korporat sebagai Penyedia Perkhidmatan Pertukaran Asing Domestik Terbaik di Anugerah Asiamoney.

Model Perbankan Sejagat

Dalam Surat kepada Pemegang Saham saya pada tahun lepas, saya mengatakan bahawa Kumpulan akan mencadangkan penswastan subsidiari 51% miliknya iaitu AmInvestment Group Berhad (“AIGB”), sebagai sebahagian daripada latihan penstrukturan semula Kumpulan AmBank untuk berpindah kepada model perbankan sejagat. Berikutan suasana liberalisasi yang semakin kuat dalam sektor perbankan Malaysia, rangka kerja perbankan pelaburan untuk aktiviti peminjaman, penajajaminan instrumen hutang dan ekuiti di samping perdagangan proprietari, telah digabungkan, seterusnya menghadkan keupayaan bahagian perbankan pelaburan Kumpulan untuk menaja jamin urus niaga korporat lebih besar kerana asas modalnya yang lebih kecil berbanding bank komersil. Rangka kerja baru ini, bersama dengan peningkatan persaingan oleh kedua-dua bank domestik dan asing akan mempunyai impak yang ketara terhadap keupayaan bank untuk bersaing dengan pemain-pemain besar di dalam industri. Sebab itulah keputusan untuk berpindah kepada platform perbankan sejagat telah dibuat yang juga selari dengan trend global dan amalan pasaran antarabangsa.

Saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa kami telah berjaya menyempurnakan penswastan AIGB pada Januari 2008. Ini membolehkan Kumpulan akan memulakan peringkat seterusnya dalam penstrukturan semula korporat kami dengan memanfaatkan peluang-peluang di dalam model perbankan sejagat. Model perniagaan yang lebih baik ini akan menyokong dan memudahkan pemindahan amalan terbaik serta keupayaan antarabangsa ANZ kepada Kumpulan, terutama dalam bidang-bidang seperti pengurusan kewangan, pengurusan risiko dan teknologi maklumat. Platform perbankan sejagat ini juga akan membantu membina sinergi antara Perbankan Korporat dan Pelaburan serta perniagaan lain.

Latihan penstrukturan semula dalaman ini akan dijalankan dalam beberapa fasa. Fasa pertama yang merupakan pemindahan perbendaharaan Kumpulan dan aktiviti peminjaman korporat yang besar (“Aktiviti Berasaskan Dana”) daripada bahagian perbankan pelaburan kepada bank komersil telah disempurnakan baru-baru ini pada April 2008. Ini dilakukan untuk menggabungkan kesemua Aktiviti Berasaskan Dana Kumpulan melalui bank komersil untuk menggalakkan pengurusan risiko kredit dan pasaran Kumpulan yang lebih baik. Ini juga akan menghasilkan kunci kira-kira yang lebih besar, yang boleh dimanfaatkan oleh lain-lain subsidiari Kumpulan, terutamanya bank pelaburan, bagi menjana dan menaja jamin urus niaga korporat lebih besar.

SURAT KEPADA PARA PEMEGANG SAHAM

Berikutan pemindahan Aktiviti Berasaskan Dana, kami kini berada dalam fasa dua, untuk menstrukturkan semula dan menggaris arus perniagaan teras Kumpulan menjadi empat kumpulan perniagaan utama iaitu Kumpulan Perbankan, Kumpulan Pengurusan Aset, Kumpulan Pasaran Modal dan Kumpulan Insurans. Penstrukturkan semula ini akan menyepadukan lagi fokus perniagaan dan operasi. Penjajaran semula ini juga dijangka akan menambah baik kecekapan serta keberkesanan dalam peruntukan dan penggunaan modal dan sumber.

Meskipun kami baru sahaja memulakan latihan penstrukturkan semula dalaman ini selepas penswastaaan AIGB, Kumpulan AmBank dijangka akan memanfaatkan sinergi di seluruh Kumpulan untuk meningkatkan pendapatan masa depan, seterusnya menambah baik nilai pemegang saham apabila latihan ini sempurna kelak.

Pengurusan Bakat

Menambah baik prestasi kewangan adalah penting sementara menarik dan mengekalkan modal manusia adalah kritikal untuk masa depan kita. Pengurusan bakat adalah penting bagi sebuah organisasi yang dinamik dan sentiasa berusaha untuk mendapatkan kelebihan daya saing. Dengan itu, kami sentiasa mencari dan membina bakat di kalangan staf baru dan sedia ada yang berkebolehan untuk memimpin Kumpulan menjadi lebih cemerlang. Justeru, kami membuat pelaburan besar untuk mengukuhkan keupayaan staf kami melalui latihan berstruktur dan Program Pengurusan Bakat.

Kami juga meneruskan usaha menyusun semula bahagian perniagaan dan menambah baik infrastruktur dan budaya kerja kami, tanpa mengetepikan saiz dan kekompleksan perniagaan kami yang semakin meningkat. Budaya kami juga menggalakkan dan mengganjari staf atas komitmen, daya kreatif dan semangat kerja berpasukan mereka lantaran keperluan pelanggan dan pasaran yang pesat berubah.

Berkhidmat untuk Masyarakat

Kami menyanjungi staf kami atas usaha mereka memberikan khidmat kepada masyarakat di mana Kumpulan beroperasi. Sepanjang tahun ini, Kumpulan terus memainkan peranannya dalam pembangunan masyarakat kami dan kemajuan negara dengan sokongan monetari dan bukan monetarinya dalam pelbagai program kebajikan, pendidikan dan kebudayaan. Ramai Pengarah dan staf kanan kami turut terlibat aktif dalam Majlis yang terdiri daripada badan sukarela dan kebajikan negara.

Tinjauan dan Prospek Ekonomi bagi 2008/2009

Memandang ke hadapan, prestasi ekonomi global yang mula memperlambatkan dalam separuh tahun kedua pada tahun lepas dijangka berterusan sehingga separuh kedua tahun ini sebelum beransur pulih pada tahun depan. Bagaimanapun, pemulihan pertumbuhan global bergantung kepada betapa lama dan seriusnya kelembapan ekonomi AS dan impak daripada krisis sub-prima dan kredit di AS. Sementara itu, inflasi semakin meningkat dalam kedua-dua ekonomi lama dan baru berikutan kenaikan harga minyak dan makanan.

Di sebalik ketidakpastian ekonomi global, tinjauan ekonomi Malaysia dalam 2008 kekal menggalakkan dengan KDNK sebenar dijangka meningkat sebanyak 5.2%. Permintaan domestik terus bertambah dengan sokongan polisi fiskal dan monetari yang akomodatif.

Meskipun kuasa beli sebenar pengguna terjejas oleh tekanan inflasi, penggunaan persendirian terus bertahan dan akan kekal sebagai penyumbang utama bagi permintaan dan pertumbuhan domestik keseluruhan pada tahun ini. Momentum pertumbuhan dalam 2008 turut disokong oleh pertumbuhan dalam pelaburan awam berikutan pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan koridor ekonomi serta kemasukan pelaburan langsung asing. Kekuatan permintaan domestik dijangka kekal sepanjang 2009-2010, dua tahun terakhir dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Pada masa yang sama, ekonomi dunia dijangka beransur pulih dan ini boleh membantu mengekalkan pertumbuhan ekonomi domestik dalam 2009-2010 pada kadar 5.0%-6.0%.

Justeru, bagi Kumpulan yang telah melalui pelbagai golakan sepanjang 32 tahun sejak ditubuhkan, kami adalah sekukuh ekonomi Malaysia dan kecuai terdapat keadaan yang tidak dijangka, kami yakin dapat menangani segala cabaran dalam 2008/2009. Kami mengalu-alukan sokongan berterusan pemegang saham kami, perkongsian kami dan komitmen staf di setiap peringkat untuk terus mendorong kemajuan Kumpulan.

Keutamaan Kami dalam Tahun Kewangan 2009

Keutamaan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009 terutamanya akan fokus kepada usaha berterusan untuk menempatkan blok pembinaan yang perlu untuk mencapai agenda strategik teras jangka sederhana Kumpulan—AmVision 2011, dengan penekanan ke atas bidang-bidang berikut:

- Mengurangkan kos dana melalui usaha berterusan untuk meningkatkan asas deposit kos rendah Kumpulan. Inisiatif inisiatif tertumpu kepada usaha memperoleh akaun baru, menambahkan penggiatan, memantapkan pengurusan tunai dan penggunaan perkhidmatan perdagangan serta menjalankan jualan silang perkhidmatan dan produk secara lebih aktif kepada pelanggan Kumpulan. Kumpulan juga akan mengembangkan saluran pengagihannya melalui rangkaian cawangan, ATM, perbankan Internet dan perbankan mudah alih untuk menyediakan akses perkhidmatan yang lebih mudah kepada pelanggannya.
- Menambah baik kualiti aset keseluruhan Kumpulan dengan mengurangkan nisbah pinjaman tidak berbayar bersih, melalui pengurusan yang mantap dengan fokus kepada pengukuhan sistem pengurusan risiko, proses dan amalan serta peningkatan berterusan kepada keupayaan model pemarkahan kredit, strategi hutang, pemungutan dan pengurusan pemulihan.
- Meningkatkan perniagaan pembiayaan auto (sewa beli). Sebagai perniagaan terbesar dari segi kunci kira-kira Kumpulan, pembiayaan auto akan kekal sebagai perniagaan peminjaman utama untuk Kumpulan. Perancangan juga sedang dibuat untuk menambahkan peminjaman di dalam lain-lain segmen perniagaan Kumpulan seperti gadaai janji, industri kecil dan sederhana serta kad kredit, seterusnya membawa kepada asas aset pinjaman yang lebih berpelbagai.
- Memanfaatkan perkongsian strategik dengan ANZ terutamanya pendedahan ANZ kepada perniagaan antarabangsa dan keupayaan silang sempadannya di Asia bagi meningkatkan ekuiti jenama dan kepakaran teknikal Kumpulan. Fokus pertumbuhan adalah kepada peminjaman runcit dan komersil serta perbankan urus niaga.

Penekanan dan inisiatif ini akan dilaksanakan di dalam persekitaran “perniagaan seperti biasa” dengan fokus kepada pertumbuhan organik dan kecemerlangan khidmat pelanggan melalui gabungan kualiti, harga yang kompetitif serta pengalaman jualan dan perkhidmatan yang tertinggi kepada semua segmen pelanggan. Pelaburan akan dibuat di mana perlu untuk meningkatkan keupayaan infrastruktur, teknologi maklumat, pengurusan risiko dan keupayaan sumber manusia.

Salah satu inisiatif utama dalam membina pertumbuhan yang organik dan membuka potensi Kumpulan adalah penubuhan perniagaan pertukaran asing, kadar faedah dan derivatif komoditi baru yang disokong oleh ANZ. Inisiatif ini akan melihat penyumberan kepimpinan perniagaan dan kepakaran teknologi daripada ANZ. Kumpulan AmBank akan memanfaatkan keupayaan rakan kongsi strategik kami untuk membina platform sistem, aplikasi, keupayaan, kepakaran dan amalan yang terbaik di dalam industri. Perniagaan baru ini akan menyediakan tahap perkhidmatan pertukaran asing, kadar faedah dan derivatif komoditi serta penyelesaian berperibadi yang terbaik untuk dimanfaatkan oleh pelanggan tempatan dan asing kami dalam memenuhi keperluan mereka. Perniagaan ini dijangka akan menyumbangkan pertumbuhan hasil yang ketara bagi Kumpulan AmBank dan mengukuhkan kedudukan kami di dalam segmen pasaran pertukaran asing, kadar faedah dan derivatif komoditi Malaysia.

Inisiatif ini juga akan melihat pemindahan ilmu dari segi jualan pasaran khusus, perdagangan, pengurusan risiko, operasi dan kepakaran teknologi.

Tidak dinafikan bahawa dua belas bulan yang akan datang ini akan kekal mencabar bagi Kumpulan. Ditambah dengan keadaan semasa pasaran global, penurunan keyakinan pelabur, pengguna serta perniagaan domestik, kami tidak pasti bila pasaran hutang dan ekuiti akan kembali stabil dan pulih kepada tahap 2007.

Bagaimanapun, memandangkan kedudukan kami yang kukuh dalam pelbagai segmen pelanggan dan produk, pengalaman dan kepakaran pasaran, kepimpinan dan ekuiti jenama yang kukuh, bersama dengan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan, kami yakin akan dapat melalui ketidakpastian ini di dalam suasana ekonomi domestik yang bingkas.


Sekalung Budi

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang berkepentingan. Kemajuan berterusan yang kami raih sepanjang tahun-tahun ini tidak mungkin dicapai tanpa keyakinan dan perkongsian daripada pelanggan kami; komitmen, dedikasi dan integriti berterusan daripada pengurusan dan staf kami; bimbingan, nasihat dan sokongan daripada Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia Securities Berhad dan semua autoriti relevan di samping Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti; dan yang paling penting, sokongan setia dan kukuh daripada pemegang saham yang terus yakin dengan Kumpulan AmBank.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah kami atas nasihat dan bimbingan cekap mereka sepanjang tahun kewangan ini. Saya juga ingin megalu-alukan kehadiran Encik Alexander Vincent Thursby yang dilantik oleh Lembaga Pengarah Syarikat pada 2 Januari 2008 sebagai pengarah bukan bebas bukan eksekutif.

Sekali lagi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang berkepentingan dan kepada setiap pemegang saham Kumpulan AmBank atas keyakinan dan sokongan berterusan mereka yang telah membantu menjayakan tahun ini dan menetapkan haluan kami di masa depan. Kami kekal optimistik tentang peluang-peluang yang ada dan yakin dengan kekuatan dan keupayaan kami untuk membawa pemegang saham, pelanggan, staf dan masyarakat Kumpulan AmBank ke peringkat yang lebih tinggi dengan mencipta semula cara kami menjalankan perniagaan secara progresif.

Yang Terhormat,



Tan Sri Dato' Azman Hashim
Pengerusi

Kuala Lumpur
18 Ogos 2008